

**APLIKASI SESAWANG PERUBATAN MUDAH (*SIMPLE MEDICAL*)
UNTUK PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI KEBANGSAAN
MALAYSIA**

MOHAMAD SHAHMEEL ISKANDAR BIN MOHD. RAZLIN
PROF. DR. ABDULLAH MOHD. ZIN

Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Dalam era globalisasi kini, teknologi berkembang pesat hari demi hari terutamanya teknologi yang berkaitan dengan komputer. Perkembangan teknologi pengkomputeran ini membantu dalam memudahkan tugas harian kita. Misalnya, menyimpan rekod untuk beribu-ribu pesakit di klinik dan hospital boleh jadi menyusahkan di mana kita masih menggunakan kaedah tradisional, dengan meminta Kad Pengenalan pesakit untuk mendapatkan butiran untuk pendaftaran pesakit buat kali pertama. Ada kalanya, situasi ini berlaku di sesetengah pusat kesihatan universiti di Malaysia di mana mereka masih menggunakan kaedah lama untuk menguruskan rekod kesihatan pelajar dan bukannya menggunakan pangkalan data. Selain itu, penggunaan buku log masih digunakan bagi merekodkan segala temujanji yang dibuat di Unit Pergigian Pusat Kesihatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PKUKM). Oleh yang demikian, saya mencadangkan untuk membangunkan sebuah aplikasi sesawang untuk memudahkan proses kerja ini. Melalui sistem yang akan dibangunkan ini, objektif seperti memudahkan cara kerja yang sedia ada berkemungkinan dapat dicapai selain membolehkan pihak PKUKM untuk mendapatkan maklumat kesihatan pelajar yang terkini dan menjejaki setiap maklumat rawatan yang telah didapatkan oleh pelajar di PKUKM. Objektif terakhir sistem ini adalah untuk menjimatkan masa dan mengurangkan campur tangan manusia. Metodologi Tangkas (*Agile*) telah dipilih untuk membangunkan sistem ini kerana metodologi ini lebih fleksibel dan akan mengurangkan risiko sekiranya terdapat penambahbaikan atau fungsi tambahan dibuat pada setiap fasa pembangunan.

1 PENGENALAN

Menurut Tolfer, A (1990), kita berada dalam gelombang ketiga iaitu gelombang atau disebut juga era maklumat iaitu suatu era di mana penyimpanan, pengambilan dan pengurusan data yang berjaya menjadi asas untuk membina dan mengekalkan pesaing dalam organisasi (Wan Idris Wan Sulaiman & Maizatul Haizan Mahbob 2014) lebih-lebih lagi kepada organisasi-organisasi besar di mana mereka perlu menguruskan segala data-data dengan tepat dan terperinci untuk mengelakkan ralat daripada berlaku agar kerugian dan kesilapan tidak berlaku. Tahun ke tahun, penggunaan teknologi maklumat berkembang pesat seiring dengan kemajuan negara tercinta (Mohd. Nihra Haruzuan Mohamad Said & Intan Marini Suhaimin 2008). Namun begitu, masih terdapat organisasi dan syarikat yang menggunakan kaedah tradisional atau dipanggil “*old-school*” untuk menguruskan segala penyimpanan dan pengambilan data-data penting dengan menggunakan fail atau borang kertas untuk mendokumentasikan data-data ini termasuklah kebanyakan klinik dan hospital serta sebilangan pusat kesihatan universiti di Malaysia. Hal ini boleh mendatangkan masalah apabila berlakunya ralat ketika mengisi data dan maklumat kerana terlalu banyak interaksi manusia yang boleh menyebabkan data tidak diisi dengan betul atau sekiranya dokumen-dokumen tersebut terlibat dengan kerosakan (terbakar, hilang dan terkena pada air yang menyebabkan sebahagian data musnah) dengan menggunakan kaedah tradisional ini.

Penggunaan aplikasi sesawang yang dihubung terus kepada pangkalan data dapat memudahkan proses penyimpanan, pengambilan dan pengurusan data dan maklumat. Hal ini demikian kerana menerusi penggunaan aplikasi sesawang, organisasi dan syarikat tidak lagi perlu untuk menguruskan dokumen-dokumen fizikal untuk menyimpan data-data selain tidak lagi menggunakan masa yang banyak untuk mencari data yang dikehendaki dalam timbunan dokumen-dokumen yang sedia ada. Aplikasi sesawang merupakan satu perisian atau program yang boleh diakses menggunakan pelayar sesawang (*web browser*) dan memanfaatkan sepenuhnya penggunaan teknologi sesawang untuk menjalankan tugas melalui internet. Sebuah aplikasi sesawang sering menggunakan kombinasi skrip sisi pelayan (*server-side*) untuk mengendalikan penyimpanan dan pengambilan data dan skrip atau sisi pelanggan (*client-side*) seperti *Javascript* dan *HTML* untuk memapar dan mempersembah data kepada pengguna.

2 PENYATAAN MASALAH

Penggunaan kaedah tradisional untuk penyimpanan, pengambilan dan pengurusan data tidak dihalang untuk diteruskan. Namun begitu, kaedah ini seharusnya diubah ke cara yang lebih moden, sedikit demi sedikit untuk memudahkan pengurusan data selaras dengan perkembangan teknologi terkini. Menerusi kaedah tradisional, pengambilan dan pencarian data boleh mengambil masa yang agak panjang, lebih-lebih lagi jika dokumen-dokumen tidak disusun atur dengan rapi dan teliti. Hal ini berlaku di kebanyakan klinik dan hospital di Malaysia, termasuklah sesetengah pusat kesihatan universiti.

Unit Pergigian PKUKM masih menggunakan kaedah “*old-school*” untuk merekod setiap temujanji yang dibuat oleh pelajar ke dalam sebuah buku log dan memberikan sehelai kertas kecil sebagai peringatan dan bukti bahawa pelajar berkenaan mempunyai temujanji pada waktu yang telah ditetapkan. Di Malaysia juga, pesakit dan pelajar perlu mengeluarkan sendiri surat pelepasan sekiranya mereka mempunyai sebarang temujanji di klinik atau hospital untuk memaklumkan ketidakhadiran mereka pada hari kejadian kepada majikan atau pensyarah. Selain itu, pelajar hanya boleh mendapatkan sijil cuti sakit (*Medical Certificate, MC*) setelah mendapatkan rawatan sekiranya diluluskan oleh doktor yang merawat dan MC tersebut hanya dikeluarkan secara fizikal dan ditulis tangan. MC yang dikeluarkan hanya boleh dihantar pada waktu kelas seterusnya sekiranya mereka terlepas atas sebab MC. Pada waktu kini yang di mana kelas dan kuliah dilakukan secara atas talian, bagaimanakah MC tersebut hendak diserahkan kepada pensyarah masing-masing sedangkan mereka berada jauh di rumah atau pun hanya terkurung di bilik masing-masing di kolej kediaman universiti? Tuntasnya, masalah-masalah yang dinyatakan sebentar tadi bukan dianggap sudah ketinggalan zaman, namun perkara di atas boleh dimodenkan bagi memudahkan kerja pelbagai pihak.


3 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian adalah perkara yang menjadi tunjang pembangunan Aplikasi Sesawang Perubatan Mudah (*Simple Medical*) untuk PKUKM. Antara objektif kajian bagi sistem ini adalah untuk mengubah dan memudahkan cara kerja sedia ada. Selain itu, pembangunan sistem ini seharusnya membolehkan pihak PKUKM mendapatkan rekod terkini dan menjejak setiap rekod perubatan pelajar yang didapatkan oleh pelajar di PKUKM. Objektif yang terakhir

adalah untuk membolehkan aplikasi sesawang “*Simple Medical*” yang dibangunkan supaya dapat menjimatkan masa dan mengurangkan campur tangan manusia.

4 METOD KAJIAN

Metodologi Tangkas (*Agile*) telah dipilih sebagai pendekatan yang akan digunakan dalam membangunkan sistem ini. Hal ini demikian kerana, metodologi ini dilihat mempunyai fleksibiliti dan kebolehsuaian di mana langkah spesifikasi, reka bentuk, pelaksanaan dan pengujian perisian dalam fasa metodologi ini bertindih antara satu sama yang lain. Tambahan pula, metodologi ini dapat mengurangkan risiko di akhir projek sekiranya terdapat penambahan atau pengurangan yang perlu dilakukan ke atas aplikasi selain menggalakan penglibatan klien untuk memberi maklum balas terhadap perkembangan pembangunan aplikasi sama ada aplikasi yang dibangunkan perlu diperbaiki atau memenuhi kriteria klien. Rajah 4.1 menunjukkan kitaran pembangunan bagi metodologi “*Agile*”.



Rajah 4.1 – Kitaran Pembangunan Metodologi “*Agile*”.

4.1 Fasa Perancangan

Fasa perancangan merupakan fasa pertama dalam kitaran pembangunan bagi metodologi “Agile”. Proses penetapan objektif kajian, pengenalanpastian masalah, penentuan skop kajian dan penentuan metodologi kajian yang akan digunakan dijalankan dalam fasa ini. Selain itu, kajian kesusasteraan juga dilakukan menerusi bab ini bagi tujuan pengumpulan data menerusi kajian yang dilakukan terhadap artikel, jurnal dan kajian-kajian lepas. Data-data yang dikumpulkan ini seterusnya dikaji untuk dijadikan rujukan kepada sistem yang akan dibangunkan selain digunakan untuk dibanding beza untuk menentukan kelebihan dan kekurangan sistem sedia ada dan sistem yang akan dibangunkan.

4.2 Fasa Analisa

Menerusi fasa ini, spesifikasi keperluan sistem dikaji dengan terperinci menerusi pentafsiran maklumat yang diperolehi daripada kajian yang dilakukan pada fasa perancangan. Hasil analisa ini kemudiannya diterjemahkan ke dalam bentuk model sistem bagi menggambarkan sistem secara keseluruhan setelah spesifikasi keperluan sistem dikaji dengan teliti. Kajian yang dilakukan dalam fasa ini perlu dilakukan dengan teliti supaya keperluan pengguna dapat dicapai kerana pengguna mempunyai peranan yang sangat penting dalam pembangunan sesebuah sistem.

4.3 Fasa Reka Bentuk

Reka bentuk awal mula dilakukan menerusi fasa ini dengan merujuk kesemua hasil analisa yang dilakukan semasa fasa sebelumnya. Menerusi fasa ini, reka bentuk antaramuka dan pangkalan data dilakar untuk memberikan gambaran setiap fungsian yang telah ditetapkan setelah memilih reka bentuk seni bina yang sesuai untuk membangunkan Aplikasi Sesawang Perubatan Mudah (*Simple Medical*) untuk PKUKM ini. Algoritma sistem juga dibina dan dipersembahkan ke dalam bentuk carta alir (*flow chart*) untuk menggambarkan pergerakan atau aliran setiap fungsian daripada mula hingga ke akhir.

4.4 Fasa Pembangunan

Fasa pembangunan atau fasa implementasi merupakan fasa bermulanya pembangunan sebenar sistem setelah membuat analisa dan reka bentuk awal sistem. Reka bentuk yang dihasilkan digunakan sebagai rujukan dalam menghasilkan sistem yang lengkap dan mencapai keperluan pengguna. Pengekodan dalam membangunkan sistem dibuat secara teliti dengan menggunakan bahasa pengaturcaraan seperti *HTML*, *PHP*, *CSS* dan *MySQL*. Penggunaan *Bootstrap* juga membantu dalam pembangunan reka bentuk antaramuka bagi kesemua fungsian sistem yang telah ditetapkan. Pembangunan pangkalan data juga dilaksanakan untuk menyimpan input-input yang dimasukkan oleh pengguna yang kemudiannya ditukarkan sebagai data-data yang berguna. Kamus data yang direka bentuk semasa fasa reka bentuk membantu memudahkan dalam proses rujukan semasa pembangunan pangkalan data dilaksanakan.

Menerusi fasa ini juga, penambahbaikan dan pengubahsuaian dilakukan terhadap cadangan awal antaramuka dan pangkalan data yang dilakukan semasa fasa reka bentuk bagi mencapai keperluan pengguna yang sempurna tanpa sebarang ralat teknikal yang hadir di dalam sistem yang dibangunkan.

4.5 Fasa Pengujian

Pengujian sistem dilakukan setelah sistem dibangunkan dengan jayanya untuk menguji kebolegunaan sistem. Pengujian yang teliti dilakukan ke atas setiap fungsian yang dibangunkan bagi mengenal pasti ralat teknikal yang hadir supaya penambahbaikan ke atas dapat dibuat secara terus. Selain itu, fasa pengujian ini juga dijalankan untuk melihat hubungan antara sistem yang dibangunkan dengan pangkalan data yang dibina untuk melihat sama ada input yang dimasukkan akan direkodkan dengan tepat ke dalam pangkalan data. Hasil pengujian yang dilakukan akan menentukan sama ada sistem yang dibangunkan ini berfungsi dengan baik atau sebaliknya.


5 HASIL KAJIAN

Topik ini membicarakan hasil kajian yang telah diperoleh daripada proses pembangunan Aplikasi Sesawang Perubatan Mudah (*Simple Medical*) untuk PKUKM. Sistem ini merupakan sistem yang berasaskan sesawang (*web-based*) dan kesemua hasil kajian yang diperoleh dipersembahkan ke dalam bentuk antaramuka sistem yang telah dihasilkan dan data-data yang telah disimpan ke dalam pangkalan data menerusi perisian *phpMyAdmin*.

Rajah 5.1 hingga Rajah 5.9 merupakan hasil antaramuka yang telah berjaya dibangunkan mengikut fungsian-fungsian yang telah ditetapkan.



Rajah 5.1 – Antaramuka Log Masuk.



Rajah 5.2 – Antaramuka Permohonan Temujanji Baharu.

Surat Pelepasan Doktor

PERMOHONAN BAHARU

No. Permohonan
RL_A099A549458a128753972

No. Matrik
a123456

Nama Pelajar

Sebab Permohonan
Nyatakan sebab permohonan.

Tarikh
dd/mm/yyyy

Hantar Permohonan

Rajah 5.3 – Antaramuka Permohonan Surat Pelepasan Doktor.

Temujanji Unit Pergian

PENGESAHAN TEMUJANJI PELAJAR

No. Temujanji
A12345678901234567890

No. Matrik
a123456

Nama Pelajar

Zenda Temujanji
Pusat Penyelidikan dan Inovasi

Tarikh
31/03/2023

Masa
09:00 AM

Pengesahan
 Sama
 Tidak

Rajah 5.4 – Antaramuka Pengesahan Temujanji Pelajar.

Temujanji Unit Pergian

PENGESAHAN PERMOHONAN SURAT PELEPASAN DOKTOR

No. Permohonan
RL_A099A549458a128753972

No. Matrik
a123456

Nama Pelajar

Sebab Permohonan
Nyatakan sebab permohonan.

Tarikh
31/03/2023

Pengesahan
 Sama
 Tidak

Sebab Penolakan
Nyatakan Sebab Penolakan Temujanji yang Dibuat oleh Pelajar

Rajah 5.5 – Antaramuka Pengesahan Permohonan Surat Pelepasan Doktor.

Rajah 5.6 – Antaramuka Pengrekodan Maklumat Perubatan Pelajar.

Rajah 5.7 – Antaramuka Pengeluaran Sijil Cuti Sakit.

Rajah 5.8 – Antaramuka Penjanaan Sijil Cuti Sakit Yang Telah Dikeluarkan.

Pengujian ke atas kesemua fungsian sistem juga berjaya dilaksanakan dan kesemua input yang dimasukkan oleh pengguna turut disimpan ke dalam pangkalan data dengan tepat tanpa sebarang ralat teknikal yang berlaku ke atas data-data tersebut. Rajah 5.9 menunjukkan antaramuka yang memaparkan jadual yang mengandungi data berkenaan dengan temujanji

yang telah dibuat. Data-data yang terpapar di dalam jadual diambil secara terus daripada pangkalan data dan dipaparkan menerusi sistem dengan menggunakan bahasa pengaturcaraan *MySQL* untuk menghubungkan sistem dengan pangkalan data. Rajah 5.10 merupakan data-data yang terkandung dalam pangkalan data bagi kelas temujanji.

No. Temujanji	Denis Temujanji	Tarikh	Slot Masa	Pengesahan	Sabab Penolakan
AP60b24862972743020008	Tampalan Gigi	2021-07-01	10:00 AM	Terima	
AP60b21726789278689357	Pendidikan Kesihatan Pergigian	2021-06-30	11:00 AM	Tolak	Tidak menepati masa temujanji
AP60b3b6a7a21714127634	Tampalan Gigi	2021-07-01	10:00 AM	Tolak	Tidak menepati masa temujanji.
AP60b4902cc0c3192342988	Pendidikan Kesihatan Pergigian	2021-07-01	12:00 PM	Terima	
AP60b49568892322532476	Pendidikan Kesihatan Pergigian	2021-07-01	11:00 AM	Terima	

Rajah 5.9 – Paparan Jadual Maklumat Berkenaan Temujanji.

id_temujanji	id_pelajar	id_nama_pelajar	id_jenis_temujanji	id_tarikh	id_masa	id_status	id_pengesahan	id_alasan_tidak_julus
AP60b24862972743020008	1178200	Ikandar M. Shaleem	Tampalan Gigi	2021-07-01	10:00 AM	Terima		
AP60b21726789278689357	1178200	Ikandar M. Shaleem	Pendidikan Kesihatan Pergigian	2021-06-30	11:00 AM	Tolak		Tidak menepati masa temujanji
AP60b3b6a7a21714127634	1178200	Ikandar M. Shaleem	Tampalan Gigi	2021-07-01	10:00 AM	Tolak		Tidak menepati masa temujanji
AP60b4902cc0c3192342988	1178200	Darwish Zul	Pendidikan Kesihatan Pergigian	2021-07-01	12:00 PM	Terima		
AP60b49568892322532476	1178200	Ikandar M. Shaleem	Pendidikan Kesihatan Pergigian	2021-07-01	11:00 AM	Terima		

Rajah 5.10 – Data Yang Terkandung Dalam Pangkalan Data Bagi Kelas Temujanji.

Rajah 5.11 dan 5.12 pula masing-masing menunjukkan antaramuka yang memaparkan data-data berkenaan dengan permohonan surat pelepasan doktor dan data-data yang terkandung dalam pangkalan data bagi kelas surat pelepasan doktor.

No. Pelepasan	Sebab Permohonan	Tarikh	Pengesahan	Sebab Penolakan
RL.60b24a10899f5d4499576	Waktu kuliah bercanggah dengan temujanji.	2021-07-01	Terima	-
RL.60b25f66cc041092d680	Waktu kuliah bercanggah dengan temujanji.	2021-07-01	Terima	-
RL.60b3b854a7361e5d59310	Waktu kuliah bercanggah dengan temujanji.	2021-07-01	Terima	-
RL.60b4a0baf61678623277	Waktu kuliah bercanggah dengan temujanji.	2021-07-01	Tidak Terima	-
RL.60b4af96d9c614122031	Waktu kuliah bercanggah dengan temujanji.	2021-07-01	Tidak Terima	-

Rajah 5.11 – Paparan Jadual Maklumat Berkenaan Surat Pelepasan Doktor.


Id	Rid_m_pelepasan	Rid_m_pelajar	Rid_nama_pelajar	Rid_nama_permohonan	Rid_tarikh	Rid_id_staff	Rid_pengesahan	Rid_alasan_tidak_julus
1	RL.60b24a10899f5d4499576	A178209	Ikandar M. Shahrul	Waktu kuliah bercanggah dengan temujanji.	2021-07-01	S123456	Terima	-
2	RL.60b25f66cc041092d680	A178209	Ikandar M. Shahrul	Waktu kuliah bercanggah dengan temujanji.	2021-07-01	S123456	Terima	-
3	RL.60b3b854a7361e5d59310	A178209	Ikandar M. Shahrul	Waktu kuliah bercanggah dengan temujanji.	2021-07-01	S123456	Terima	-
4	RL.60b4a0baf61678623277	A123456	Daniar Zoi	Waktu kuliah bercanggah dengan temujanji.	2021-07-01	S123456	Tidak	Tidak menepati masa temujanji.
5	RL.60b4af96d9c614122031	A123456	Daniar Zoi	Waktu kuliah bercanggah dengan temujanji.	2021-07-01	MELI	Dokum Selesai	MELI
6	RL.60b4a0baf61678623277	A178209	Ikandar M. Shahrul	Waktu kuliah bercanggah dengan temujanji.	2021-07-01	MELI	Dokum Selesai	MELI
7	RL.60b4af96d9c614122031	A178209	Ikandar M. Shahrul	Waktu kuliah bercanggah dengan temujanji.	2021-07-01	MELI	Dokum Selesai	MELI
8	RL.60b4a0baf61678623277	A178209	Ikandar M. Shahrul	Waktu kuliah bercanggah dengan temujanji.	2021-07-01	MELI	Dokum Selesai	MELI
9	RL.60b4af96d9c614122031	A178209	Ikandar M. Shahrul	Waktu kuliah bercanggah dengan temujanji.	2021-07-01	MELI	Dokum Selesai	MELI
10	RL.60b4a0baf61678623277	A178209	Ikandar M. Shahrul	Waktu kuliah bercanggah dengan temujanji.	2021-07-01	MELI	Dokum Selesai	MELI

Rajah 5.11 – Data Yang Terkandung Dalam Pangkalan Data Bagi Kelas Surat Pelepasan Doktor.

Rajah 5.12 menunjukkan antaramuka yang memaparkan senarai MC yang telah dikeluarkan oleh pengguna Doktor PKUKM kepada pengguna Pelajar. Data-data yang dipaparkan menerusi jadual dalam antaramuka ini diambil secara terus daripada pangkalan data kelas Sijil Cuti Sakit seperti yang ditunjukkan menerusi Rajah 5.13.

No. MC	Rawatan	Cuti Diberikan (Hari)	Tarikh MC	Doktor Merawat
MC.60b26468779f05650387	Demam	3	2021-06-29	D123456
MC.60b45199f8a6677385417	Sesak Nafas	3	2021-06-29	D123456
MC.60b48614c31049234393	Sesak Nafas	3	2021-06-29	D123456
MC.60b52315f4613248888	Sesak Nafas	3	2021-06-29	D123456
MC.60b5246705f6166848873	Demam	3	2021-07-01	D123456


Rajah 5.12 – Paparan Jadual Maklumat Berkenaan Sijil Cuti Sakit.



id_msc	id_pesakit	id_nama_pesakit	id_rasaitan	id_out	id_parkir	id_doktor
MC.60826487719.0560387	A178209	Iskandar M. Shahmeel	Demam	3	2021-06-29	D123456
MC.60827648954.63787477	A123456	Daniel Zoi	Covid-19	3	2021-06-29	D123456
MC.608431908800.77385417	A178209	Iskandar M. Shahmeel	Sesak Nafas	3	2021-06-29	D123456
MC.608488146210.48214503	A178209	Iskandar M. Shahmeel	Sesak Nafas	3	2021-06-29	D123456
MC.608422213898.31288888	A178209	Iskandar M. Shahmeel	Sesak Nafas	3	2021-06-29	D123456
MC.608423471566.98548573	A178209	Iskandar M. Shahmeel	Demam	3	2021-07-01	D123456
MC.60849583661.42546171	A178209	Iskandar M. Shahmeel	Demam	3	2021-07-17	D123456
MC.60848744632.38839955	A123456	Daniel Zoi	Cuti cuti	4	2021-07-17	D123456

Rajah 5.13 – Data Yang Terkandung Dalam Pangkalan Data Bagi Kelas Sijil Cuti Sakit.

Rajah 5.14 dan Rajah 5.15 masing-masing menunjukkan antaramuka yang memaparkan maklumat berkenaan dengan rekod perubatan pelajar yang telah direkodkan oleh pengguna Doktor PKUKM dan data-data yang terkandung dalam pangkalan data bagi kelas rekod perubatan pelajar.



No. Perubatan	No. Matrik	Nama Pelajar	Rasaitan	Komen	Tarikh	Masa	HC Dikeluarkan
MD.608265e342169.34032201	A178209	Iskandar M. Shahmeel	Sesak Nafas	Tidur dalam kereta terlalu lama.	2021-06-29	21:54	Tidak
MC.60826535c55c5c.37752314	A178209	Iskandar M. Shahmeel	Demam	Demam panas berpangangan.	2021-06-29	21:54	Ya
MC.60827650531e7.66228270	A123456	Daniel Zoi	Covid-19	Positif Covid-19	2021-06-29	22:01	Ya
MC.60844e79548e4.27207080	A178209	Iskandar M. Shahmeel	Sesak Nafas	Tidur dalam kereta terlalu lama.	2021-06-29	00:05	Ya
MD.6084663d02503.46728941	A178209	Iskandar M. Shahmeel	Sesak Nafas	Tidur dalam kereta terlalu lama.	2021-06-29	00:42	Ya

Rajah 5.14 – Paparan Jadual Maklumat Berkenaan Rekod Perubatan Pelajar.

id_pesakit	nama_pesakit	jenis_pesakit	gejala	diagnosis	tarikh	masa	status
MD K0825914285 3457291	Iskandar M. Shahmeel	Seiuk Nafes	Tidur dalam kereta betutu lama		2021-06-29	21:54	Tidak
MD K0825914285 3457291	Iskandar M. Shahmeel	Demam	Demam panas berpangangan		2021-06-29	21:54	Ya
MD K08278053767 88238270	Osman Zul	Covid-19	Positif Covid 19		2021-06-29	22:01	Ya
MD K0844764564 27201500	Iskandar M. Shahmeel	Seiuk Nafes	Tidur dalam kereta betutu lama		2021-06-29	00:05	Ya
MD K0844543503 45729841	Iskandar M. Shahmeel	Seiuk Nafes	Tidur dalam kereta betutu lama		2021-06-29	00:42	Ya
MD K081162856 1 94781198	Iskandar M. Shahmeel	Seiuk Nafes	Tidur dalam kereta betutu lama		2021-06-29	01:01	Ya
MD K084640241158 35433852	Iskandar M. Shahmeel	Seiuk Nafes	Tidur dalam kereta betutu lama		2021-06-30	02:40	Ya
MD K08146683072 11514225	Iskandar M. Shahmeel	Demam	Demam panas berpangangan		2021-07-01	06:29	Ya
MD K0845661972 85443871	Iskandar M. Shahmeel	Demam	Demam panas berpangangan		2021-07-01	10:38	Tidak
MD K0845661972 85443871	Iskandar M. Shahmeel	Demam	Demam panas berpangangan		2021-07-01	10:38	Ya
MD K084488846 08459573	Iskandar M. Shahmeel	Demam	Demam panas berpangangan		2021-07-17	20:59	Ya
MD K0845661972 85443871	Osman Zul	Cari bar	Makan makanan yang sudah lama disimpan		2021-07-01	21:38	Ya

Rajah 5.15 – Data Yang Terkandung Dalam Pangkalan Data Bagi Kelas Rekod Perubatan Pelajar.

6 KESIMPULAN

Tuntasnya, Aplikasi Sesawang Perubatan Mudah (*Simple Medical*) untuk PKUKM ini berjaya dibangunkan dan mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan selain dapat memenuhi skop projek. Kajian terhadap sistem-sistem sedia ada yang telah dibangunkan oleh pelajar-pelajar UKM yang terdahulu dan juga sistem yang berkaitan telah banyak membantu dalam pembangunan aplikasi sesawang ini. Idea dan konsep asal pelajar-pelajar UKM terdahulu iaitu membuat temujanji secara atas talian juga telah digunapakai dalam membangunkan sistem ini selain menambah beberapa fungsian baru untuk memudahkan cara kerja yang sedia ada. Menerusi sistem yang dibangunkan, beberapa cara kerja yang sedia ada dapat dipersembahkan ke dalam bentuk yang lebih moden. Dewasa ini, perkembangan teknologi yang pesat seharusnya diambil sebagai peluang untuk mengetengahkan pembangunan sistem seperti ini bagi memudahkan urusan harian manusia selain mengurangkan campur tangan manusia yang akan membawa kepada risiko kesilapan pengurusan data. Kajian yang dilakukan ini diharap boleh menjadi aspirasi dan rujukan kepada penyelidik-penyelidik yang hendak melakukan penambahbaikan ke atas Aplikasi Sesawang Perubatan Mudah (*Simple Medical*) untuk PKUKM atau menjadikan sistem ini sebagai sumber untuk banding beza bagi sistem yang hendak mereka bangukan.

7 RUJUKAN

Said, M. N. H. M., Suhaimin, I. M.. 2008. "*Pembangunan Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar*". Johor Darul Ta'zim: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Sulaiman, W. I. W. & Mahbob, M. H.. 2014. "*Kesignifikanan Model Kepuasan Komunikasi dalam Konteks Pengurusan Maklumat Sektor Awam*". Jurnal Komunikasi 30(1): 92-110.

Copyright@FTSM
UKM